

TAHAP PENGUASAAN ILMU NAHU DALAM KALANGAN
GURU-GURU SIJIL TINGGI AGAMA MALAYSIA (STAM)

HazrulAffendiMohmad- ZamriArinfi - Hakim Zainal

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

TAHAP PENGUASAAN ILMU NAHU DALAM KALANGAN GURU-GURU SIJIL TINGGI AGAMA MALAYSIA (STAM)

Hazrul Affendi Mohmad - Zamri Arinfi - Hakim Zainal

ABSTRAK

Keputusan peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) daripada tahun 2009 hingga 2015 menunjukkan bahawa peratus pelajar yang tidak layak menerima sijil STAM tidak pernah kurang daripada 32%. Manakala dapatan kajian terdahulu yang berkaitan dengan mata pelajaran dalam bidang bahasa Arab STAM pula menunjukkan bahawa tahap penguasaan pelajar berada pada tahap lemah. Penguasaan bahasa Arab dalam kalangan guru merupakan antara faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar. Penguasaan bahasa Arab bermaksud keupayaan menguasai komponen yang membentuk bahasa tersebut. Antara komponen yang membentuk bahasa Arab adalah peraturan bahasa. Peraturan bahasa pula adalah berkaitan dengan ilmu Nahu. Kajian ini merupakan kajian rintis yang bertujuan untuk mengenal pasti tahap penguasaan ilmu Nahu dalam kalangan guru-guru STAM. Di samping itu, kajian ini juga bertujuan untuk menganalisis instrumen yang digunakan dan menilai kesahan dan kebolehpercayaan item instrumen kajian. Kajian ini melibatkan seramai 26 orang responden daripada Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN), Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) dan Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR) di negeri Perak. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah soal selidik dan satu set ujian tahap penguasaan ilmu Nahu. Hasil kajian mendapati tahap penguasaan ilmu Nahu dalam kalangan guru-guru STAM hanyalah berada pada tahap memuaskan. Manakala indeks kesukaran dan indeks diskriminasi item yang diperolehi melalui analisis item ujian pula telah menunjukkan bahawa semua item dapat digunakan dalam kajian sebenar. Kesahan set ujian tahap penguasaan ilmu Nahu diperolehi daripada 2 orang pakar penilai melalui kesahan muka dan kesahan kandungan. Kebolehpercayaan item ujian yang diukur menggunakan formula Kuder-Richardson (KR-20) pula telah memperoleh nilai 0.894. Nilai ini menunjukkan kebolehpercayaan item dan ketekalan dalaman set ujian adalah tinggi dan sesuai untuk digunakan dalam kajian sebenar. Dapatan kajian ini telah menjelaskan bahawa wujud keperluan untuk meningkatkan lagi tahap penguasaan ilmu Nahu guru-guru STAM dan juga keperluan melaksanakan kajian yang melibatkan responden yang lebih ramai.

TAHAP PENGUASAAN ILMU NAHU DALAM KALANGAN GURU-GURU SIJIL TINGGI AGAMA MALAYSIA (STAM)

Hazrul Affendi Mohmad - Zamri Arinfi - Hakim Zainal

PENDAHULUAN

Komponen yang membentuk bahasa Arab adalah terdiri daripada 3 komponen utama iaitu bunyi, kata dan peraturan bahasa. Peraturan bahasa merupakan komponen bahasa yang dibahaskan dalam Ilmu Nahu (Taufiq Muhammad Shahin 1980). Menurut al-Khuli (1986) fungsi utama ilmu Nahu adalah untuk memberi kefahaman yang tepat kepada makna ayat atau teks berbahasa Arab.

Program pengajian yang menggunakan kurikulum berteraskan bahasa Arab dalam sistem pendidikan Malaysia adalah Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM). Dalam proses pengajaran dan pembelajaran STAM, didapati guru kurang menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar dalam pengajaran dan sering menggunakan bahasa ibunda dengan menterjemahkan teks asal sewaktu memberi penerangan dan pemahaman (Azhar Muhammad 2006; Rosni Samah dan Arnida A Bakar 2008; Rosni Samah dan Muhammad Marwan Ismail 2006).

PERMASALAHAN KAJIAN

Pengaruh penguasaan bahasa kedua dalam kalangan guru sama ada bahasa Malaysia, bahasa Inggeris atau pun bahasa Arab didapati mempengaruhi pencapaian pelajar (Ab. Aziz Mat 2006; Ab. Razak Ab. Karim dan Muhammad Saiful Haq Hussin 2011; Azhar Muhammad et al. 2006). Kajian Ab. Aziz Mat (2006) adalah kajian kes yang berkaitan dengan peranan bahasa Melayu dalam pengajaran Sains dalam bahasa Inggeris. Kajian Ab. Razak Ab. Karim dan Muhammad Saiful Haq Hussin (2011) pula adalah kajian berkaitan tahap penguasaan bahasa Melayu pelajar di *Islamic Santitham Foundation School* (ISFS) Thailand. Manakala kajian Azhar Muhammad et al. (2006) adalah kajian berkaitan penguasaan pelajar sekolah menengah Aliran Agama terhadap pengajian ilmu Retorik Arab.

TAHAP PENGUASAAN ILMU NAHU DALAM KALANGAN GURU-GURU SIJIL TINGGI AGAMA MALAYSIA (STAM)

Hazrul Affendi Mohmad - Zamri Arinfi - Hakim Zainal

Keputusan peperiksaan STAM daripada tahun 2009 hingga tahun 2015 menunjukkan bahawa peratus pelajar yang tidak layak menerima sijil STAM adalah dalam lingkungan 32% hingga 39% untuk 7 tahun yang dinyatakan. Peratus prestasi pelajar STAM ini menjelaskan bahawa peratus pelajar yang tidak lulus semua mata pelajaran tidak pernah kurang daripada 32%. (Lembaga Peperiksaan Malaysia 2011, 2012, 2013, 2014, 2015 dan 2016).

Mata pelajaran yang ditawarkan STAM terdiri daripada 3 komponen utama iaitu mata pelajaran bidang Syariah, bidang Usuluddin dan bidang Bahasa Arab. Kajian Rosni Samah dan Muhammad Marwan Ismail (2006), Rosni Samah dan Arnida A Bakar (2008), Mohd Shafien Othman (2008), Muhamad Fahmi Abd Jalil (2012) mendapati tahap penguasaan pelajar STAM dalam bidang bahasa Arab berada pada tahap lemah.

Kurikulum yang menjadi asas STAM adalah kurikulum *Ma'ahad al-Bu'uth al-Islamiyyah* al-Azhar yang berteraskan bahasa Arab. Semua buku teks yang menjadi rujukan utama semasa pengajaran dan pembelajaran juga adalah di dalam bahasa Arab. Justeru, guru perlulah menguasai bahasa Arab agar pemahaman yang tepat diperolehi daripada setiap buku teks yang menjadi rujukan dalam STAM.

Penguasaan bahasa Arab dalam kalangan guru didapati mempengaruhi pencapaian pelajar Azhar Muhammad et al. (2006). Untuk memahami sesuatu teks Arab yang dibaca mestilah membacanya dengan baris yang betul (Salamiah Ab. Ghani et al. 2012). Manakala untuk mengetahui baris yang betul, seseorang itu mestilah menguasai ilmu Nahu kerana ilmu Nahu merupakan ilmu yang membahaskan peraturan bahasa yang terdapat di dalam bahasa Arab. Fungsi utama ilmu Nahu juga adalah untuk memberi kefahaman yang tepat kepada makna ayat atau teks berbahasa Arab (al-Khuli 1986). Bersandarkan kepada pernyataan ini, maka satu kajian bertujuan untuk mengukur tahap penguasaan ilmu Nahu dalam kalangan guru-guru STAM perlu dilaksanakan.

TAHAP PENGUASAAN ILMU NAHU DALAM KALANGAN GURU-GURU SIJIL TINGGI AGAMA MALAYSIA (STAM)

Hazrul Affendi Mohmad - Zamri Arinfi - Hakim Zainal

OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengenal pasti tahap penguasaan ilmu Nahu dalam kalangan guru-guru STAM.
2. Menganalisis item set ujian tahap penguasaan ilmu Nahu.
3. Menilai kesahan dan kebolehpercayaan item set ujian.

PERSOALAN KAJIAN

1. Sejauh manakah tahap penguasaan ilmu Nahu dalam kalangan guru-guru STAM?
2. Sejauh manakah kesesuaian item ujian tahap penguasaan ilmu Nahu yang digunakan?
3. Sejauh manakah kesahan dan kebolehpercayaan item set ujian yang digunakan?

TINJAUAN KEPUSTAKAAN

Proses pengajaran dan pembelajaran merupakan proses pindahan ilmu yang melibatkan guru dan pelajar. Ahmad Rizal Madar, Nurul Akmar Kamaruddin dan Saifullizam Puteh (2005), Shaipul Anuar Mohamed Zainudin (2012), Mohamad Johdi Salleh et al. (2012) dan Rahmadhaniah Abdul Majid (2008) mendapati pensyarah atau guru merupakan antara faktor penting yang mempengaruhi pencapaian pelajar. Pengaruh guru ini merangkumi beberapa aspek antaranya adalah pengetahuan guru, sikap, motivasi dan pendekatan pengajaran yang digunakan.

Di samping itu, faktor penguasaan bahasa kedua dalam kalangan guru juga dikenal pasti turut mempengaruhi pencapaian pelajar. Kajian Ab. Razak Ab. Karim dan Muhammad Saiful Haq Hussin (2011) mendapati proses penguasaan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua mempunyai beberapa masalah sama ada di pihak pelajar mahu pun guru. Kajian

TAHAP PENGUASAAN ILMU NAHU DALAM KALANGAN GURU-GURU SIJIL TINGGI AGAMA MALAYSIA (STAM)

Hazrul Affendi Mohmad - Zamri Arinfi - Hakim Zainal

mereka ini bertujuan untuk mengesan tahap penguasaan bacaan dalam bahasa Melayu di kalangan pelajar Islamic Santitham Foundation School, Nakhon Si Thammarat Thailand.

Kajian ini adalah kajian kualitatif berbentuk tinjauan dan instrumen yang digunakan adalah temubual tidak berstruktur dan pemerhatian. Sampel kajian terdiri daripada pelajar-pelajar yang berumur di antara 13 hingga 15 tahun dan dipilih secara rawak seramai 74 orang dan juga melibatkan 2 orang guru. Hasil kajian mendapati tahap penguasaan pelajar dalam bahasa Melayu adalah sangat lemah. Pendekatan pengajaran pula berasaskan kaedah tradisional iaitu pengajaran berpusatkan guru. Sesi pengajaran pula dijalankan dalam bahasa Thailand. Antara masalah yang dikenal pasti dalam kalangan guru pula adalah guru yang dilantik tidak mempunyai latihan perguruan, tiada keyakinan melaksanakan tugas pengajaran bahasa Melayu dan guru tidak menguasai bahasa Melayu baku khususnya aspek tatabahasa.

Kajian Ab. Aziz Mat (2006) pula mendapati antara faktor yang dikenal pasti menjadi punca kelemahan pengajaran sains dalam bahasa Inggeris adalah guru tidak mahir berbahasa Inggeris, guru banyak menggunakan bahasa Melayu dan tatabahasa bahasa Inggeris tidak tepat. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa kelemahan pengajaran Sains dalam bahasa Inggeris amat ketara. Semua kelemahan ini mempengaruhi pemahaman dan proses pembelajaran pelajar dalam mata pelajaran yang berteraskan bahasa Inggeris. Kajian ini adalah kajian kes dan instrumen yang digunakan adalah pemerhatian dan transkripsi hasil rakaman ke atas seorang guru yang mengajar dalam bilik darjah. Responden kajian adalah terdiri daripada 28 orang murid Tahun 4 sebuah sekolah di Daerah Jeli iaitu Sekolah Kebangsaan Ayer Chanal dan guru yang terlibat adalah guru mata pelajaran Sains Tahun 4 yang mempunyai sijil ETEMS (*English for the Teaching of Education Mathematics and Science*).

Manakala Kajian Azhar Muhammad et al. (2006) turut mendapati guru cenderung menggunakan bahasa Melayu dalam pengajaran ilmu Balaghah berbanding bahasa Arab.

TAHAP PENGUASAAN ILMU NAHU DALAM KALANGAN GURU-GURU SIJIL TINGGI AGAMA MALAYSIA (STAM)

Hazrul Affendi Mohmad - Zamri Arinfi - Hakim Zainal

Mereka menjelaskan bahawa keadaan ini memberi kesan terhadap penguasaan pelajar dalam ilmu Balaghah. Kajian mereka mendapati pelajar tidak dapat memahami semua pengajaran yang telah diberikan oleh guru terhadap kaedah-kaedah Balaghah dan beberapa tajuk tertentu dalam ilmu Balaghah. Pelajar juga didapati mempunyai masalah untuk menggunakan buku teks Bahasa Arab Tinggi (BAT) secara sepenuhnya untuk pembelajaran mereka terhadap ilmu Balaghah.

Kajian Azhar Muhammad et al. ini adalah berkaitan dengan penguasaan pelajar sekolah menengah Aliran Agama terhadap pengajian ilmu Retorik Arab atau ilmu Balaghah. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif berbentuk tinjauan. Responden yang terlibat dalam kajian ini adalah seramai 320 orang pelajar tingkatan lima daripada 6 buah Sekolah Menengah Agama di Johor. Instrumen yang digunakan adalah soal selidik.

Keputusan peperiksaan STAM dari tahun 2009 hingga 2015 menunjukkan bahawa peratus pelajar yang lulus dari peringkat *maqbul* hingga *mumtaz* untuk 7 tahun ini tidak pernah melebihi 68%. Manakala peratus pelajar yang tidak layak menerima sijil STAM pula untuk 7 tahun ini didapati tidak kurang daripada 32.5%. Peratus pelajar lulus terendah dalam tempoh 7 tahun tersebut adalah 60.4% iaitu pada tahun 2013 dan tahun yang sama juga mencatatkan peratus pelajar yang tidak layak menerima sijil STAM tertinggi iaitu 39.6% (Lembaga Peperiksaan Malaysia 2011, 2012, 2013, 2014, 2015 dan 2016).

Prestasi pelajar dalam peperiksaan STAM secara umumnya masih di tahap baik dengan prestasi terendah hanyalah 60.4%. Namun demikian, jika diperhalusi keputusan peperiksaan STAM ini didapati peratus pelajar yang tidak layak menerima sijil STAM adalah dalam lingkungan 32.5% hingga 39.6% untuk 7 tahun yang dinyatakan. Sijil STAM hanya dianugerahkan kepada pelajar yg lulus sekurang-kurangnya peringkat Maqbul dalam semua mata pelajaran. Manakala pelajar yang gagal satu mata pelajaran atau lebih hanya diberikan Penyataan Keputusan atau Slip Keputusan sahaja. Peratus

TAHAP PENGUASAAN ILMU NAHU DALAM KALANGAN GURU-GURU SIJIL TINGGI AGAMA MALAYSIA (STAM)

Hazrul Affendi Mohmad - Zamri Arinfi - Hakim Zainal

prestasi pelajar STAM ini menjelaskan bahawa peratus pelajar yang tidak lulus semua mata pelajaran tidak pernah kurang daripada 32%.

Terdapat 3 kategori sekolah yang menawarkan STAM iaitu Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN), Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) dan Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR). Menurut Nor Raudah Siren, Azrin Ab. Majid dan Siti Jamiaah Abdul Jalil (2013) SMAN adalah institusi pendidikan agama yang ditubuhkan oleh pihak berkuasa agama negeri sama ada Jabatan Agama Islam atau Majlis Agama Islam atau pun Yayasan Islam. SMAN akan didaftarkan di bawah Enakmen Pengawalan Sekolah-Sekolah Agama dan ditadbir sepenuhnya oleh pihak berkuasa agama negeri. SABK adalah SMAN dan SMAR yang berdaftar dengan KPM dan ditadbir secara bersama oleh Lembaga Pengurusan Sekolah (LPS) dan KPM berdasarkan kepada memorandum persefahaman (MoU) yang telah dipersetujui bersama. SMAR pula adalah institusi pendidikan agama yang ditubuhkan oleh masyarakat setempat atau individu yang didaftarkan di bawah Enakmen Pengawalan Sekolah-Sekolah Agama dan ditadbir sepenuhnya oleh LPS.

Antara faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar adalah penguasaan bahasa kedua dalam kalangan guru. Komponen yang membentuk bahasa Arab adalah terdiri daripada 3 komponen utama iaitu bunyi, kata dan peraturan bahasa. Peraturan bahasa merupakan komponen bahasa yang dibahaskan dalam Ilmu Nahu (Taufiq Muhammad Shahin 1980). Ilmu Nahu memperjelaskan sistem susunan perkataan dalam sesuatu ayat kerana setiap perkataan itu mempunyai fungsinya tersendiri. Kesilapan yang berlaku dalam sistem susunan perkataan tersebut akan mengakibatkan kegagalan menyampaikan makna yang dikehendaki (Majdi Wahbah dan al-Muhandis 1984). Justeru, justifikasi kajian ini adalah pengukuran tahap penguasaan ilmu Nahu dalam kalangan guru-guru STAM dapat menjelaskan konstruk yang dikuasai dan kurang dikuasai dalam kalangan guru-guru STAM dan menjelaskan hubungannya dengan penguasaan bahasa Arab.

TAHAP PENGUASAAN ILMU NAHU DALAM KALANGAN GURU-GURU SIJIL TINGGI AGAMA MALAYSIA (STAM)

Hazrul Affendi Mohmad - Zamri Arinfi - Hakim Zainal

Untuk mengenal pasti masalah yang mungkin timbul semasa kajian dilaksanakan dan melatih untuk menguruskan kajian dengan lancar dan berkesan satu kajian rintis perlu dilaksanakan. Di samping itu, kajian rintis juga berupaya untuk menguji keberkesanan instrumen kajian yang digunakan (Chua Yan Piaw 2006).

SAMPEL KAJIAN

Menurut Chua Yan Piaw (2006) kebiasaannya 20 hingga 40 individu yang mempunyai latar belakang demografi yang sama dengan responden kajian sebenar digunakan dalam kajian rintis.


Dalam kajian rintis ini, seramai 26 guru yang terlibat sebagai responden. Mereka terdiri daripada guru-guru yang mengajar STAM pada tahun 2016 di Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN), Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) dan Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR) di negeri Perak. Responden yang terlibat bukanlah terdiri daripada populasi kajian sebenar, namun mempunyai ciri-ciri yang sama dengan ciri-ciri populasi yang ditetapkan dalam kajian sebenar.

INSTRUMEN KAJIAN

Instrumen yang digunakan untuk pengumpulan data adalah soal selidik dan ujian tahap penguasaan ilmu Nahu yang meliputi konstruk pengetahuan, kefahaman dan kemahiran. Konstruk ini diadaptasi daripada format pentaksiran STAM Lembaga Peperiksaan Malaysia (2013). Instrumen kajian ini adalah seperti dalam rajah 1.

TAHAP PENGUASAAN ILMU NAHU DALAM KALANGAN GURU-GURU SIJIL TINGGI AGAMA MALAYSIA (STAM)

Hazrul Affendi Mohmad - Zamri Arinfi - Hakim Zainal



Soal selidik yang digunakan bertujuan untuk mengumpul maklumat demografi seperti jantina, umur, kelayakan akademik, bidang pengkhususan, kemahiran bahasa Arab, pengalaman mengajar dan kategori sekolah. Maklumat yang diperolehi ini dapat digunakan dalam perbincangan dapatan kajian. Kajian ini menggunakan item pilihan tunggal untuk soal selidik. Melalui item yang dikemukakan, responden diminta untuk membuat pilihan yang bersesuaian.

Manakala set ujian tahap penguasaan ilmu Nahu yang digunakan pula mempunyai 50 item yang merangkumi 3 konstruk iaitu pengetahuan, kefahaman dan kemahiran. Konstruk pengetahuan bertujuan untuk menilai kebolehan kognitif untuk mengingat semula atau mengenal pasti elemen spesifik yang terdapat dalam kandungan sesuatu mata pelajaran. Konstruk kefahaman pula bertujuan untuk menilai kebolehan kognitif yang melibatkan penggunaan pengetahuan tanpa situasi baharu dan tidak memerlukan atau tidak memerihalkan implikasi terhadap pengetahuan tersebut seperti menggunakan perkataan atau simbol dan menyatakan suatu pernyataan, peristiwa atau konsep dengan menggunakan olahan bahasa yang tersendiri. Manakala konstruk kemahiran bertujuan untuk mengukur keupayaan melakukan sesuatu selepas melalui proses pembelajaran seperti mengaplikasi, menganalisi dan menilai (Lembaga Peperiksaan Malaysia 2013).

TAHAP PENGUASAAN ILMU NAHU DALAM KALANGAN GURU-GURU SIJIL TINGGI AGAMA MALAYSIA (STAM)

Hazrul Affendi Mohmad - Zamri Arinfi - Hakim Zainal

PEMBINAAN JADUAL SPESIFIKASI UJIAN (JSU)

Jadual Spesifikasi Ujian (JSU) juga dikenali sebagai Jadual Penentuan Ujian (JPU). Tujuan JSU disediakan adalah sebagai panduan untuk membina item atau soalan ujian. Di samping itu, JSU dapat membantu memastikan taburan item ujian lebih menyeluruh berasaskan kepada topik dan sub topik yang hendak diuji. Tempoh menjawab setiap item juga dapat ditetapkan melalui jumlah item yang dirancang.

Proses merangka JSU dimulai dengan menganalisis sukatan mata pelajaran ilmu Nahu STAM. Sukatan mata pelajaran ini merupakan rujukan utama untuk membina item ujian kajian ini. Analisis ini bertujuan untuk mengenal pasti semua topik dan sub topik yang terdapat dalam mata pelajaran tersebut.

Topik dan sub topik yang diuji dalam kajian ini adalah berasaskan kepada buku teks ilmu Nahu yang digunakan dalam STAM. Sedikit pengubahsuaian telah dilakukan untuk disesuaikan dengan kajian ini. Buku teks ilmu Nahu STAM membahaskan 8 topik utama, namun hanya 5 topik digunakan untuk pembinaan item ujian kerana baki 3 topik lagi didapati mempunyai kaitan dengan 5 topik utama tersebut dan juga beberapa sub topik di bawahnya.

Umpamanya topik *al-Nida'* di kecilkan kepada sub topik *al-Munada* dan diletakkan di bawah topik *Ism Mansub*. Topik *Ma la Yansarif* mempunyai kaitan dengan topik *Ism Marfu^c*, *Ism Mansub* dan *Ism Majrur*. Manakala topik *al-^cAdad* mempunyai kaitan dengan sub topik *Majrur bi al-Idafah* dan sub topik *al-Tamyiz*. Sub topik *Majrur bi al-Idafah* diletakkan di bawah topik *Ism Majrur* manakala sub topik *al-Tamyiz* diletakkan di bawah topik *Ism Mansub*.

Selain daripada 5 topik utama ini, satu lagi topik lain telah ditambah sehingga menjadikan semua topik yang terlibat dengan item ujian ini adalah sebanyak 6 topik. Topik yang ditambah ini adalah topik Asas Nahu yang merangkumi beberapa sub topik.


TAHAP PENGUASAAN ILMU NAHU DALAM KALANGAN GURU-GURU SIJIL TINGGI AGAMA MALAYSIA (STAM)

Hazrul Affendi Mohmad - Zamri Arinfi - Hakim Zainal

Di samping itu, beberapa sub topik lain juga turut ditambah dan diletakkan di bawah 5 topik asal yang terdapat di dalam buku teks ilmu Nahu STAM. Sub topik yang ditambah ini adalah beberapa sub topik yang terdapat di dalam buku Fuad Ni^cmah (t.th). Buku ini dijadikan sumber pengambilan beberapa sub topik yang ditambah kerana susunan topik buku ini didapati hampir sama dengan susunan topik di dalam buku ilmu Nahu STAM.

Di samping itu, penambahan sub topik ini juga bertujuan untuk memberikan gambaran yang menyeluruh terhadap tahap penguasaan ilmu Nahu responden. Set ujian yang melibatkan semua topik dan sub topik ini dijadikan sebagai penanda aras tahap penguasaan ilmu Nahu guru-guru STAM. Pembinaan set ujian ini adalah bersandarkan kepada tahap ilmu bukan bersandarkan kepada tahap pengajian.

Jumlah topik yang digunakan sebagai item ujian kajian ini adalah 6 topik iaitu: i) Asas Nahu, ii) *Ism Marfu^c*, iii) *Ism Mansub*, iv) *Ism Majrur*, v) *al-Tawabi^c* dan vi) *al-Mu^crab min al-Af^cal*. Topik ilmu Nahu yang dijadikan item ujian dalam kajian ini adalah seperti dalam rajah 2.



Rajah 2: Topik ilmu Nahu set ujian

Topik Asas Nahu melibatkan sub topik *Mudhakkar* dan *Muannath*, *Mufrad*, *Muthanna* dan *Jam^c*, *Nakirah* dan *Ma^crifah*, *al-Damair*, *Anwa^c al-F^crab*, *Anwa^c al-Bina^c* dan *al-Af^c*

TAHAP PENGUASAAN ILMU NAHU DALAM KALANGAN GURU-GURU SIJIL TINGGI AGAMA MALAYSIA (STAM)

Hazrul Affendi Mohmad - Zamri Arinfi - Hakim Zainal

al. Topik *Ism Marfu^c* melibatkan sub topik *al-Mubtada'*, *al-Khabr*, *Ism Kana*, *Khabr Inna*, *al-Fa^cil* dan *Naib al-Fa^cil*. Topik *Ism Mansub* melibatkan sub topik *Khabr Kana*, *Ism Inna*, *al-Maf^culat*, *al-Hal*, *al-Mustathna*, *al-Munada* dan *al-Tamyiz*.

Manakala topik *Ism Majrur* pula melibatkan sub topik *Majrur bi Harf al-Jarr* dan *Majrur bi al-Idafah*. Topik *al-Tawābi^c* melibatkan sub topik *al-Na^ct*, *al-Tawkid*, *al-badl* dan *al-^catf*. Dan topik *al-Mu^crab min al-Af^cal* melibatkan sub topik *Raf^c al-Fi^cl al-mudari^c*, *Nasb al-Fi^cl al-Mudari^c* dan *Jazm al-Fi^cl al-Mudari^c*. Keseluruhan topik yang diuji berjumlah 6 topik dan sub topik yang diuji pula berjumlah 28 sub topik. Sub topik untuk setiap topik yang diukur ditunjukkan dalam jadual 1.

Jadual 1: Sub topik yang diukur

Asas Nahu	Topik				
	<i>Ism Marfu^c</i>	<i>Ism Mansub</i>	<i>Ism Majrur</i>	<i>al-Tawabi^c</i>	<i>al-Mu^crab min al-Af^cal</i>
Mudhakkar dan Muannath Mufrad, Muthanna dan Jam ^c Nakirah dan Ma ^c rifah	<i>al-Mubtada'</i>	<i>Khabr Kana wa Akhawatuha</i>	<i>Majrur bi Harf al-Jarr</i>	<i>al-Na^ct</i>	<i>Raf^c al-Fi^cl al-Mudari^c</i>
Anwa ^c al-I ^c rab	<i>al-Khabr</i>	<i>Ism Inna wa Akhawatuha</i>	<i>Majrur bi al-Idafah</i>	<i>al-Tawkid</i>	<i>Nasb al-Fi^cl al-Mudari^c</i>
Anwa ^c al-Bina'	<i>Ism Kana wa Akhawatuha</i>	<i>al-Maf^culat</i>		<i>al-Badl</i>	<i>Jazm al-Fi^cl al-Mudari^c</i>
<i>al-Af^cal</i>	<i>al-Fa^cil</i>	<i>al-Hal</i>		<i>al-^cAtf</i>	
	<i>al-Fa^cil</i>	<i>al-Mustathna</i>			
	<i>Naib al-Fa^cil</i>	<i>al-Munada</i>			
		<i>al-Tamyiz</i>			

TAHAP PENGUASAAN ILMU NAHU DALAM KALANGAN GURU-GURU SIJIL TINGGI AGAMA MALAYSIA (STAM)

Hazrul Affendi Mohmad - Zamri Arinfi - Hakim Zainal

PEMBINAAN ITEM UJIAN

Kajian ini menggunakan ujian berbentuk objektif aneka pilihan. Pemilihan ujian jenis ini disebabkan oleh pendekatannya yang memerlukan responden memilih jawapan yang paling tepat di sebalik gangguan beberapa pengacau atau distraktor yang disediakan. Di samping itu, item ujian objektif aneka pilihan juga mudah untuk diperiksa walaupun oleh pemeriksa yang berlainan kerana jawapan untuk ujian jenis ini telah ditetapkan dan mempunyai keobjektifan atau ketepatan yang tinggi dari sudut penetapan skor berbanding item ujian berbentuk subjektif.

Setelah item ujian dibentuk, semakan dan penilaian setiap item telah dilakukan. Proses ini bertujuan agar setiap arahan dan bahasa yang digunakan tidak menimbulkan kekeliruan kepada responden. Semua item juga dipastikan berkeupayaan mengukur konstruk yang ingin diuji dan tempoh masa menjawab soalan dapat dianggarkan.

Anggaran tempoh responden menjawab semua item yang disediakan adalah satu jam (60 minit). Anggaran masa untuk menjawab setiap item pula ditetapkan mengikut skop ujian ini iaitu untuk mengukur konstruk pengetahuan, kefahaman dan kemahiran. Item konstruk pengetahuan ditetapkan masa menjawab selama 40 saat untuk 1 item. Konstruk pengetahuan melibatkan 15 item, maka anggaran tempoh menjawab untuk 15 item ini adalah 10 minit. Penetapan tempoh menjawab ini adalah bersandarkan kepada tujuan konstruk ini diukur iaitu untuk menilai kebolehan kognitif untuk mengingat semula atau mengenal pasti elemen spesifik yang terdapat dalam topik ilmu Nahu.

Tempoh menjawab untuk item konstruk kefahaman pula adalah selama 1 minit untuk 1 item. Jumlah item untuk konstruk kefahaman adalah 15 item, maka anggaran tempoh menjawab untuk 15 item ini adalah 15 minit. Penetapan tempoh menjawab ini adalah bersandarkan kepada tujuan konstruk ini diukur iaitu untuk menilai kebolehan kognitif yang melibatkan penggunaan pengetahuan tanpa situasi baharu dengan menggunakan olahan bahasa yang tersendiri dan tidak memerlukan implikasi terhadap pengetahuan

TAHAP PENGUASAAN ILMU NAHU DALAM KALANGAN GURU-GURU SIJIL TINGGI AGAMA MALAYSIA (STAM)

Hazrul Affendi Mohmad - Zamri Arinfi - Hakim Zainal

tersebut. Manakala tempoh menjawab untuk item konstruk kemahiran pula adalah selama 1 minit 15 saat untuk 1 item. Jumlah item untuk konstruk kemahiran adalah 20 item, maka anggaran tempoh menjawab 20 item ini adalah 25 minit. Penetapan tempoh menjawab ini adalah berdasarkan kepada tujuan konstruk ini diukur iaitu untuk mengukur keupayaan melakukan sesuatu selepas melalui proses pembelajaran seperti mengaplikasi, menganalisis, menilai dan membuat keputusan.

Justeru, tempoh yang dianggarkan untuk menjawab 50 item adalah 50 minit. Manakala baki 10 minit diperuntukkan untuk semakan jawapan yang telah diberikan. Anggaran 10 minit ini adalah berdasarkan kepada tempoh semakan jawapan untuk 1 item adalah 12 saat. Anggaran tempoh menjawab item ditunjukkan dalam jadual 2.

Jadual 2: Bilangan Soalan dan Tempoh Menjawab Soalan

Konstruk	Bilangan Item	Anggaran Tempoh Menjawab
Pengetahuan	15	10 minit
Kefahaman	15	15 minit
Kemahiran	20	25 minit
Tempoh semakan jawapan		10 minit
Jumlah	50	60 minit (1 jam)

Responden yang mendapat skor 85 hingga 100 digredkan sebagai A dengan pencapaian cemerlang dan tahap penguasaan ilmu Nahu sangat tinggi. Skor 70 hingga 84 digredkan B dengan pencapaian dan tahap penguasaan ilmu Nahu yang baik. Skor 60 hingga 69 digredkan C dengan pencapaian sederhana baik dan tahap penguasaan ilmu Nahu memuaskan. Skor 45 hingga 59 digredkan D dengan pencapaian kurang baik tetapi mampu menguasai ilmu Nahu namun wujud salah tafsiran. Skor 30 hingga 44 digredkan E dengan pencapaian lemah dan tahap penguasaan ilmu Nahu yang terhad. Manakala skor 0 hingga 29 digredkan G dengan pencapaian sangat lemah dan kurang penguasaan ilmu Nahu. Penggredan ujian ini diadaptasi daripada kajian Mohd Fauzi Kamarudin et al.

TAHAP PENGUASAAN ILMU NAHU DALAM KALANGAN GURU-GURU SIJIL TINGGI AGAMA MALAYSIA (STAM)

Hazrul Affendi Mohmad - Zamri Arinfi - Hakim Zainal

(2008) yang berkaitan dengan tahap penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan staf akademik di sebuah Universiti Teknikal sebagaimana yang ditunjukkan dalam jadual 3.

Jadual 3: Gred dan Pencapaian

Markah	Gred	Pencapaian	Keupayaan Ilmu Nahu	Penguasaan
85 - 100	A	Cemerlang	Tepat dan sesuai, hampir tiada yang tidak tepat.	Tahap penguasaan ilmu Nahu sangat tinggi.
70 - 84	B	Baik	Sesuai tetapi sekali-sekala tidak tepat.	Tahap penguasaan ilmu Nahu baik.
60 - 69	C	Sederhana Baik	Kebanyakannya sesuai tetapi sekali-sekala tidak tepat.	Tahap penguasaan ilmu Nahu memuaskan.
45 - 59	D	Kurang Baik	Biasanya sesuai tetapi dengan ketidaktepatan yang ketara.	Mampu menguasai tetapi wujud salah tafsiran.
30 - 44	E	Lemah	Penggunaan yang tidak tepat dalam bahasa yang mengakibatkan kesalahan yang kerap dalam nahu.	Penguasaan ilmu Nahu yang terhad.
0 - 29	F	Sangat Lemah	Penggunaan yang tidak sesuai dan tepat dalam bahasa yang menyebabkan kesalahan sangat kerap dalam nahu.	Kurang penguasaan ilmu Nahu.

ANALISIS DATA

Data yang diperolehi dan dikumpulkan meliputi maklumat demografi responden dan jawapan kepada set ujian yang ditadbirkan. Maklumat demografi responden, peratus skor mengikut konstruk dan peratus skor keseluruhan akan dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package For Sosial Science (SPSS)* bagi mendapatkan kekerapan, peratusan dan min. Manakala perisian *PediA* versi 3 (Sekolah Menengah Kebangsaan Toh Indera

TAHAP PENGUASAAN ILMU NAHU DALAM KALANGAN GURU-GURU SIJIL TINGGI AGAMA MALAYSIA (STAM)

Hazrul Affendi Mohmad - Zamri Arinfi - Hakim Zainal

Wangsa Ahmad (SMKTIWA) Batu Gajah Perak 2011) digunakan untuk analisis item set ujian dan mendapatkan skor dan juga gred setiap responden.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

a) Maklumat Demografi

Kajian rintis ini melibatkan seramai 26 orang responden. Responden lelaki yang terlibat adalah seramai 23 (88.5%) responden dan perempuan seramai 3 (11.5%) responden. Dapatan kajian menunjukkan bahawa responden lelaki adalah lebih ramai daripada responden perempuan. Situasi ini berlaku kerana kajian ini tidak menetapkan nisbah tertentu responden berdasarkan jantina. Di samping itu, responden yang terlibat juga adalah guru yang berkelapangan semasa kajian dilakukan, iaitu guru yang tiada kelas pengajaran, sedang menunggu untuk kelas yang seterusnya atau guru yang telah selesai mengajar pada hari tersebut. Walaupun proses mendapatkan data mengambil masa yang lama kerana terpaksa menunggu guru berkelapangan, namun kajian yang dilakukan ini berjaya tidak mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran guru tersebut dan aktiviti harian pengurusan sekolah. Justeru, kajian ini telah mendapat sokongan yang amat baik dari pihak pengurusan sekolah.

Semua responden yang terlibat dalam kajian ini merupakan guru yang dilantik dan diberikan kepercayaan oleh pihak sekolah untuk mengajar mata pelajaran STAM. Kajian ini tidak menemukan satu kriteria khusus atau yang bertulis berkaitan lantikan guru yang mengajar STAM terutamanya melibatkan jantina. Penetapan guru yang mengajar STAM adalah di bawah budi bicara pihak pengurusan sekolah yang terlibat dengan STAM.

Kajian ini mendapati responden yang berumur di bawah 30 tahun adalah seramai 5 (19.2%) responden. Responden yang berumur di antara 30 hingga 39 tahun adalah seramai 9 (34.6%) responden. Bilangan ini adalah sama dengan responden yang berumur

TAHAP PENGUASAAN ILMU NAHU DALAM KALANGAN GURU-GURU SIJIL TINGGI AGAMA MALAYSIA (STAM)

Hazrul Affendi Mohmad - Zamri Arinfi - Hakim Zainal

di antara 40 hingga 49 tahun. Manakala responden yang berumur lebih daripada 50 tahun hanyalah 3 (11.5%) responden.

Dapatan kajian ini menjelaskan bahawa peringkat umur responden mempengaruhi proses pungutan data yang telah dilakukan. Semasa proses pungutan data, didapati responden yang berumur lebih 50 tahun kurang berminat menyertai kajian ini. Mereka mengharapkan agar kajian ini hanya melibatkan responden yang lebih muda daripada mereka dengan memberikan pelbagai alasan. Antara alasan yang diberikan adalah mempunyai urusan lain yang perlu diselesaikan dan kurang sihat. Masa yang lama terpaksa diluangkan untuk memberikan penjelasan dan rayuan sehingga mereka bersedia menyertai kajian ini. Sebab utama responden yang berumur lebih 50 tahun kurang berminat menyertai kajian ini adalah kerana takut prestasi mereka dinilai dan memperoleh keputusan yang rendah berbanding responden yang lebih muda. Namun demikian, proses pungutan data kajian ini dapat berjalan lancar kerana responden yang berumur lebih 50 tahun hanya melibatkan 3 (11.5%) responden sahaja.

Kajian juga mendapati seramai 9 (34.6 %) responden berkhidmat sebagai guru kurang daripada 5 tahun. Tempoh perkhidmatan di antara 5 hingga 10 tahun juga mencatatkan bilangan yang sama iaitu seramai 9 (34.6%) responden. Hanya 3 (11.5%) responden yang berkhidmat sebagai guru untuk tempoh 11 hingga 15 tahun. Manakala 5 (19.2%) responden lagi telah berkhidmat lebih dari 15 tahun.

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tiada kriteria khusus yang ditetapkan berkaitan dengan pengalaman mengajar untuk melayakkan seseorang guru itu mengajar STAM. STAM merupakan sijil agama yang tertinggi di peringkat Menengah yang menggunakan kurikulum berteraskan bahasa Arab yang sepatutnya dikendalikan oleh guru yang berpengalaman. Namun demikian, bersandarkan kepada data yang diperolehi menunjukkan bahawa satu pertiga daripada responden mempunyai tempoh perkhidmatan yang kurang daripada 5 tahun.

TAHAP PENGUASAAN ILMU NAHU DALAM KALANGAN GURU-GURU SIJIL TINGGI AGAMA MALAYSIA (STAM)

Hazrul Affendi Mohmad - Zamri Arinfi - Hakim Zainal

Kajian ini mendapati seramai 14 (53.8%) responden tiada kursus perguruan. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kursus perguruan bukanlah merupakan satu syarat yang perlu dipenuhi oleh seseorang guru untuk mengajar STAM. Pengurusan yang berbeza daripada 3 kategori sekolah yang menawarkan STAM adalah faktor utama wujudnya guru yang tidak memiliki kursus perguruan. Pengurusan yang dimaksudkan adalah merujuk kepada: i) sumber kewangan yang terhad, ii) keperluan mendesak untuk menyediakan guru STAM, iii) guru yang tidak memiliki kursus perguruan mempunyai ketokohan dari sudut ilmu pengetahuan yang lebih baik dari guru yang memiliki kursus perguruan, iv) menggajikan guru bukan warganegara Malaysia, v) memberikan pendedahan kepada guru baru berkelulusan daripada universiti negara timur tengah dan vi) guru tidak diberikan peluang mengikuti kursus perguruan.

Dari sudut kelayakan akademik pula, seramai 3 (11.5%) responden didapati pernah mengikuti pengajian di pondok. Manakala di peringkat menengah hanya 15 (57.7%) responden yang memberikan jawapan pernah mengikuti pengajian di peringkat ini manakala 11 (42.3%) responden lagi tidak memberikan sebarang jawapan. Daripada 26 orang responden, didapati seramai 7 (26.9%) responden memiliki Diploma. Kajian ini juga mendapati semua responden mempunyai Ijazah Sarjana Muda manakala tiada seorang pun yang memiliki Ijazah Sarjana dan Ijazah Doktor Falsafah.

Kebanyakan responden iaitu seramai 21 (80.8%) responden memiliki Ijazah Sarjana Muda dari universiti luar negara. Hanya 1 (3.8%) responden adalah lulusan Universiti Pertanian Malaysia (UPM) manakala baki 4 (15.4%) responden tidak memberikan sebarang jawapan.

Kajian ini mendapati kebanyakan responden iaitu seramai 19 (73.1%) responden memiliki kemahiran penulisan bahasa Arab yang sederhana. Manakala 7 (26.9%) responden lagi mempunyai kemahiran penulisan bahasa Arab pada tahap baik. Untuk kemahiran pertuturan bahasa Arab juga didapati kebanyakan responden berada pada

TAHAP PENGUASAAN ILMU NAHU DALAM KALANGAN GURU-GURU SIJIL TINGGI AGAMA MALAYSIA (STAM)

Hazrul Affendi Mohmad - Zamri Arinfi - Hakim Zainal

tahap sederhana iaitu seramai 20 (76.9%) responden. Hanya 6 (23.1%) sahaja yang berada pada tahap baik kemahiran pertuturan bahasa Arab.

Kajian ini turut mendapati responden yang terlibat adalah terdiri daripada 10 (38.5%) responden SMAN, seramai 9 (34.6%) responden daripada SABK dan seramai 7 (26.9%) responden daripada SMAR.

b) Tahap penguasaan ilmu Nahu

Salah satu objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap penguasaan ilmu Nahu dalam kalangan guru-guru STAM yang melibatkan 3 konstruk iaitu pengetahuan, kefahaman dan kemahiran. Kajian ini mendapati tahap penguasaan ilmu Nahu guru-guru STAM secara keseluruhannya hanyalah berada pada tahap memuaskan. Purata skor yang diperolehi daripada semua responden adalah 65.6% yang bersamaan dengan gred C.

Dapatan kajian ini selari dengan tahap penguasaan pelajar yang dijadikan responden kajian Hashim Mat Zin (2008), Munirah Jaafar (2011) dan Normila Norudin et al. (2014). Dapatan kajian ini memperlihatkan bahawa tiada perbezaan tahap penguasaan ilmu Nahu antara pelajar dan guru. Situasi ini membimbangkan kerana guru adalah model kepada pelajar. Di samping itu, kemampuan guru menterjemah dan memahami teks berbahasa Arab yang diajar juga boleh dipertikaikan.

Dapatan kajian ini yang menunjukkan bahawa tahap penguasaan ilmu Nahu dalam kalangan guru-guru STAM hanyalah berada pada tahap sederhana sahaja telah menjelaskan kenapa dapatan kajian Rosni Samah dan Muhammad Marwan Ismail (2006), Rosni Samah dan Arnida A Bakar (2008), Mohd Shafien Othman (2008) dan Muhamad Fahmi Abd Jalil (2012) menunjukkan tahap penguasaan pelajar STAM dalam bidang bahasa Arab masih pada tahap lemah.

Dapatan kajian ini juga menjelaskan kenapa guru kurang menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar dalam pengajaran dan sering menggunakan bahasa ibunda

TAHAP PENGUASAAN ILMU NAHU DALAM KALANGAN GURU-GURU SIJIL TINGGI AGAMA MALAYSIA (STAM)

Hazrul Affendi Mohmad - Zamri Arinfi - Hakim Zainal

dengan menterjemahkan teks asal sewaktu memberi penerangan dan pemahaman sebagaimana dapatan kajian Azhar Muhammad (2006), Rosni Samah dan Arnida A Bakar (2008) dan Rosni Samah dan Muhammad Marwan Ismail (2006). Di samping itu kajian ini juga menjelaskan bahawa wujudnya hubungan antara tahap penguasaan ilmu Nahu dan penguasaan bahasa Arab guru-guru STAM.

Kajian ini turut mendapati bahawa ketiga-tiga konstruk yang diukur juga hanyalah berada pada tahap memuaskan. Purata skor untuk konstruk pengetahuan adalah 63.1%, konstruk kefahaman 69.% dan konstruk kemahiran pula adalah 65.0%. Purata skor untuk ketiga-tiga konstruk ini adalah bersamaan dengan gred C.

c) Indeks Kesukaran Item

Menurut Mohamed Bilal Ali (2008) Indeks Kesukaran (IK) item ialah satu indeks pengukuran tentang kesukaran item bagi kumpulan yang diuji dan digunakan untuk menghurai kesukaran item bagi sesuatu ujian. Julat IK adalah di antara 0.00 hingga 1.00. Melalui IK dapat ditentukan aras kesukaran sesuatu item ujian dan ditunjukkan dalam jadual 4.

Jadual 4: Aras kesukaran item

Indeks kesukaran	Aras Kesukaran
0.3 ke bawah	Tinggi
0.31 hingga 0.69	Sederhana
0.7 ke atas	Rendah

Sumber: Mohamed Bilal Ali 2008

Untuk mendapatkan nilai IK, semua jawapan yang betul untuk setiap item akan dibahagikan dengan jumlah responden yang menjawab item tersebut. Formulanya adalah seperti berikut:

TAHAP PENGUASAAN ILMU NAHU DALAM KALANGAN GURU-GURU SIJIL TINGGI AGAMA MALAYSIA (STAM)

Hazrul Affendi Mohmad - Zamri Arinfi - Hakim Zainal

$$IK = \frac{Nb}{N}$$

Nb: bilangan responden yang menjawab betul sesuatu item.

N: Jumlah responden yang menjawab item tersebut.

Set ujian tahap penguasaan ilmu Nahu ini merangkumi 3 konstruk iaitu konstruk pengetahuan, kefahaman dan kemahiran. Aras kesukaran konstruk pengetahuan dalam kajian rintis ini menunjukkan bahawa 8 item adalah rendah iaitu item nombor 1, 3, 4, 6, 7, 13, 14 dan 15. Sebanyak 6 item berada pada aras kesukaran sederhana iaitu item nombor 2, 5, 8, 9, 10 dan 11. Manakala 1 item berada pada aras kesukaran tinggi iaitu nombor 12.

Bilangan item untuk konstruk kefahaman yang dikenal pasti berada pada aras kesukaran rendah adalah sebanyak 8 item. Semua item ini adalah item nombor 16, 17, 18, 19, 25, 28, 29, dan 30. Sebanyak 6 item berada dalam aras kesukaran sederhana iaitu item nombor 20, 22, 23, 24, 26 dan 27. Hanya 1 item berada dalam aras kesukaran tinggi iaitu item nombor 21.

Konstruk kemahiran pula mengandungi 20 item. Sebanyak 8 item yang dikenal pasti berada pada aras kesukaran rendah iaitu item nombor 31, 35, 36, 37, 39, 40, 44 dan 46. Sebanyak 11 item berada pada aras kesukaran sederhana iaitu item nombor 32, 33, 34, 38, 41, 42, 43, 45, 47, 49 dan 50. Hanya 1 item berada pada aras kesukaran tinggi iaitu item nombor 48.

Bersandarkan kepada IK yang diperolehi daripada ketiga-tiga konstruk didapati peratus aras kesukaran rendah, sederhana dan tinggi untuk konstruk pengetahuan dan kefahaman adalah sama iaitu sebanyak 53 %, aras kesukaran sederhana sebanyak 40 % dan aras kesukaran tinggi sebanyak 7 %. Peratus aras kesukaran rendah untuk konstruk kemahiran pula adalah sebanyak 40 %, peratus aras kesukaran sederhana sebanyak 55 % dan peratus aras kesukaran tinggi sebanyak 5 %. Peratus aras kesukaran item ketiga-tiga konstruk ditunjukkan dalam jadual 5.

TAHAP PENGUASAAN ILMU NAHU DALAM KALANGAN GURU-GURU SIJIL TINGGI AGAMA MALAYSIA (STAM)

Hazrul Affendi Mohmad - Zamri Arinfi - Hakim Zainal

Jadual 5: Peratus aras kesukaran konstruk

Konstruk	Aras kesukaran	Bil. Item	Peratus	Jumlah peratus
Pengetahuan	Rendah	8	53 %	100 %
	Sederhana	6	40 %	
	Tinggi	1	7 %	
Kefahaman	Rendah	8	53 %	100 %
	Sederhana	6	40 %	
	Tinggi	1	7 %	
Kemahiran	Rendah	8	40 %	100 %
	Sederhana	11	55 %	
	Tinggi	1	5 %	

Peratus aras kesukaran rendah untuk keseluruhan item ujian adalah sebanyak 48 %, aras kesukaran sederhana adalah sebanyak 46 % dan aras kesukaran tinggi adalah sebanyak 6 %. Peratus aras kesukaran untuk keseluruhan item ujian ditunjukkan dalam jadual 6.

Jadual 6: Peratus aras kesukaran keseluruhan item ujian

Aras Kesukaran	Pengetahuan	Konstruk Kefahaman	Kemahiran	Jumlah Item	Peratus
Rendah	8	8	8	24	48 %
Sederhana	6	6	11	23	46 %
Tinggi	1	1	1	3	6 %
Jumlah	15	15	20	50	100 %

Aras kesukaran item diperolehi melalui skor responden untuk setiap item ujian. Berdasarkan kepada jadual 3.14, didapati peratus item aras kesukaran rendah adalah yang tertinggi. Dapatan ini memang dijangkakan kerana majoriti responden iaitu seramai 17 (65.38%) responden yang diuji adalah guru STAM yang mempunyai pengalaman mengajar melebihi 5 tahun dan sering terdedah kepada teks yang berteraskan bahasa Arab.

TAHAP PENGUASAAN ILMU NAHU DALAM KALANGAN GURU-GURU SIJIL TINGGI AGAMA MALAYSIA (STAM)

Hazrul Affendi Mohmad - Zamri Arinfi - Hakim Zainal

Walaupun peratus yang tinggi iaitu sebanyak 48% untuk item aras kesukaran rendah, namun semua item ini didapati tidak mempengaruhi dapatan kajian rintis yang dijalankan. Buktinya apabila dapatan kajian rintis ini menunjukkan tahap penguasaan responden hanyalah sekadar memuaskan yang bersamaan dengan gred C. Justeru, semua item yang digunakan dalam kajian rintis ini akan dikekalkan penggunaan untuk kajian sebenar.

d) Indeks Diskriminasi Item

Indeks Diskriminasi (ID) item adalah petunjuk keupayaan pengasingan item (Mohamad Khairi Mat Said 2012). Indeks ini bertujuan untuk melihat perbezaan 2 kumpulan iaitu kumpulan yang mendapat skor yang tinggi dan kumpulan yang mendapat skor yang rendah menjawab sesuatu item. Pada kebiasaannya item yang mempunyai aras kesukaran tinggi hanya mampu dijawab oleh kumpulan yang mendapat skor tinggi sahaja. Namun demikian, terdapat juga keadaan sesuatu item itu mampu dijawab oleh kedua-dua kumpulan. Begitu juga keadaan ID sesuatu item itu terlalu rendah sehinggakan tafsiran yang dibuat menunjukkan kumpulan yang mendapat skor rendah lebih ramai yang menjawab betul daripada kumpulan yang mendapat skor tinggi item tersebut. Justeru, ID yang diperolehi melalui ujian kajian rintis ini akan berupaya mengenal pasti item yang mempunyai perbezaan pencapaian daripada 2 kumpulan ini.

Mohamed Bilal Ali (2008) menegaskan bahawa strategi pemilihan item untuk Ujian Rujukan Norma (URN) adalah dengan cara merujuk kepada indeks diskriminasi item. Indeks diskriminasi menjadi kriteria utama dalam pemilihan item URN dan bukannya aras kesukaran item

Menurut Low Hiang Loon (t.th) tafsiran kepada nilai ID yang melebihi 0.4 menunjukkan diskriminasi positif yang tinggi. Nilai ID di antara 0.2 hingga 0.4 menunjukkan diskriminasi positif yang sederhana. Nilai ID di antara 0 hingga 0.2 menunjukkan diskriminasi positif yang rendah. Manakala nilai ID yang kurang dari 0 menunjukkan

TAHAP PENGUASAAN ILMU NAHU DALAM KALANGAN GURU-GURU SIJIL TINGGI AGAMA MALAYSIA (STAM)

Hazrul Affendi Mohmad - Zamri Arinfi - Hakim Zainal

diskriminasi negatif iaitu prestasi kumpulan rendah lebih baik daripada kumpulan tinggi. Tafsiran nilai ID ini ditunjukkan dalam jadual 3.7.

Jadual 3.7: Tafsiran item berasaskan ID

Indeks Diskriminasi	Tafsiran Item
ID lebih dari 0.4	Diskriminasi positif yang tinggi
ID berada di antara 0.2 hingga 0.4	Diskriminasi positif yang sederhana
ID berada di antara 0 hingga 0.2	Diskriminasi positif yang rendah
ID kurang dari 0	Diskriminasi negatif iaitu prestasi kumpulan rendah lebih baik daripada kumpulan tinggi

Sumber: Low Hiang Loon t.th

Proses mendapatkan nilai ID item untuk kajian rintis ini dimulai dengan menyusun skor ujian mengikut turutan daripada skor tertinggi kepada skor terendah. Seterusnya membahagikan skor responden kepada 2 kumpulan iaitu kumpulan skor yang tinggi dan kumpulan skor yang rendah. Bilangan responden yang terlibat dengan kajian rintis ini adalah seramai 26 responden. Maka, bilangan responden untuk setiap daripada 2 kumpulan ini adalah seramai 13 responden. Seterusnya nilai IK item untuk setiap kumpulan akan dihitung. Setelah mendapat nilai IK item daripada 2 kumpulan tersebut, pengiraan untuk mendapatkan nilai ID dibuat iaitu dengan cara nilai IK item daripada kumpulan skor yang tinggi tolak IK item daripada kumpulan skor yang rendah. Formula pengiraan ID item adalah seperti berikut:

$$ID = IK_t - IK_r$$

IK_t : Indeks kesukaran kumpulan skor tinggi

IK_r : Indeks kesukaran kumpulan skor rendah

Terdapat 3 konstruk yang diukur dalam kajian rintis ini iaitu konstruk pengetahuan, kefahaman dan kemahiran. Bilangan item yang memperoleh nilai ID rendah untuk

TAHAP PENGUASAAN ILMU NAHU DALAM KALANGAN GURU-GURU SIJIL TINGGI AGAMA MALAYSIA (STAM)

Hazrul Affendi Mohmad - Zamri Arinfi - Hakim Zainal

konstruk pengetahuan adalah sebanyak 3 item iaitu item nombor 1, 5 dan 12. Sebanyak 10 item memperoleh nilai ID yang sederhana iaitu item nombor 3, 4, 6, 7, 8, 9, 11, 13, 14 dan 15. Baki 2 item iaitu item nombor 2 dan 10 memperoleh nilai ID yang tinggi. Jumlah responden kajian rintis ini adalah 26 responden dan semua responden telah menjawab set ujian yang diberikan. Set ujian ini merangkumi konstruk pengetahuan, kefahaman dan kemahiran yang melibatkan sebanyak 50 item. Bilangan item yang memperoleh nilai ID rendah untuk konstruk kefahaman pula adalah sebanyak 8 item iaitu item nombor 16, 17, 19, 20, 21, 25, 28 dan 29 memperoleh nilai ID yang rendah. Nilai ID yang sederhana pula adalah sebanyak 3 item iaitu item nombor 18, 24 dan 30. Manakala nilai ID yang tinggi adalah sebanyak 3 item iaitu item nombor 23, 26 dan 27. Untuk konstruk ini didapati 1 item yang memperoleh nilai ID negatif iaitu item nombor 22.

Bilangan item yang dikenal pasti memperoleh nilai yang rendah untuk konstruk kemahiran adalah sebanyak 6 item iaitu item nombor 32, 35, 37, 41, 44 dan 46. Nilai ID yang sederhana adalah sebanyak 6 item sahaja iaitu item nombor 31, 38, 39, 40, 47 dan 48. Manakala bilangan item yang memperoleh nilai ID yang tinggi adalah sebanyak 7 item iaitu item nombor 33, 34, 42, 43, 45, 49 dan 50. Nilai ID negatif juga turut diperolehi untuk konstruk kemahiran ini iaitu sebanyak 1 item yang melibatkan item nombor 36.

Kajian rintis ini merumuskan bahawa sebanyak 17 (34%) item daripada 50 item yang digunakan dalam ujian berada pada tahap diskriminasi rendah. Sebanyak 19 (38%) item berada pada tahap diskriminasi sederhana. Tahap diskriminasi tinggi pula melibatkan 12 (24%) item dan 2 (4%) item berada pada tahap diskriminasi negatif. Rumusan bilangan dan peratus item bersandarkan tafsiran nilai ID ditunjukkan dalam jadual 8.

Jadual 8: Bilangan dan peratus item bersandarkan tafsiran nilai ID

Tafsiran Nilai ID	Bilangan Item	Peratus Item
Rendah	17	34%
Sederhana	19	38%

TAHAP PENGUASAAN ILMU NAHU DALAM KALANGAN GURU-GURU SIJIL TINGGI AGAMA MALAYSIA (STAM)

Hazrul Affendi Mohmad - Zamri Arinfi - Hakim Zainal

Tinggi	12	24%
Negatif	2	4%
Jumlah	50	100%

Bersandarkan kepada nilai ID item ujian, didapati sebanyak 1 item yang memperoleh nilai ID 0.00 dan sebanyak 2 item yang memperoleh nilai ID negatif. Item yang memperoleh nilai ID 0.00 adalah item nombor 16. Manakala item yang memperoleh nilai ID negatif adalah item nombor 22 dan 36.

Walaupun item ini memperoleh nilai ID 0.00 dan juga nilai ID negatif, tetapi semua item ini akan tetap dikekalkan sebagai item ujian dalam kajian sebenar tanpa sebarang penyingkiran. Terdapat 3 situasi yang menyebabkan nilai ID item 0.00 iaitu sama ada: i) jawapan semua responden adalah salah untuk item tersebut, ii) semua responden menjawab dengan betul semua item tersebut dan iii) bilangan jawapan yang betul untuk kumpulan responden yang berprestasi tinggi sama banyak dengan kumpulan responden yang berprestasi rendah.

Item nombor 16 memperoleh nilai ID 0.00 adalah disebabkan oleh keupayaan semua responden menjawab dengan betul item tersebut. Oleh kerana itulah item ini dikekalkan dalam set ujian untuk kajian sebenar adalah kerana nilai ID yang diperolehi telah membuktikan bahawa semua responden dapat menguasai item ini. Situasi ini bersesuaian dengan tujuan set ujian ini ditadbirkan iaitu untuk mengukur tahap penguasaan responden.

Manakala item yang mendapat nilai ID negatif pula menunjukkan bahawa prestasi kumpulan skor yang rendah lebih baik daripada kumpulan yang mendapat skor yang tinggi. Situasi ini berkemungkinan disebabkan oleh 2 faktor iaitu: i) wujud salah faham atau arahan yang terdapat di dalam item kurang jelas di pihak kumpulan yang mendapat skor tinggi dan ii) kumpulan yang mendapat skor rendah hanya meneka jawapan.

TAHAP PENGUASAAN ILMU NAHU DALAM KALANGAN GURU-GURU SIJIL TINGGI AGAMA MALAYSIA (STAM)

Hazrul Affendi Mohmad - Zamri Arinfi - Hakim Zainal

Namun setelah diteliti dengan merujuk kepada nilai IK, didapati nilai IK untuk 2 item yang mendapat nilai ID negatif ini iaitu item nombor 22 adalah 0.61 dan nilai IK item nombor 36 adalah 0.73. Nilai IK item nombor 22 berada pada aras kesukaran sederhana manakala nilai IK item nombor 36 pula berada pada aras kesukaran rendah atau item ini adalah item yang mudah. Ini menunjukkan bahawa kedua-dua item ini bukanlah item yang sukar atau susah sehingga kumpulan yang mendapat skor tinggi gagal memahami atau salah faham arahan dalam item tersebut. Begitu juga dengan kumpulan yang mendapat skor rendah, tidak mungkin kumpulan ini meneka jawapan kerana kedua-dua item ini bukanlah item yang sukar atau susah.

Apabila dinilai Indeks Kesukaran Pengganggu atau Distraktor (IKP), didapati bahawa pengganggu untuk item nombor 22 dan 36 adalah pengganggu yang baik. Pengganggu untuk item nombor 22 hanyalah satu sahaja dengan nilai IKP 0.38. Manakala pengganggu untuk item nombor 36 ada 3 pengganggu. Nilai IKP untuk 2 daripadanya adalah 0.08 dan satu lagi pengganggu adalah 0.11. Menurut Mohamad Khairi Mat Said (2012) pengganggu yang memperoleh nilai IKP yang lebih daripada 0.05 tetapi kurang daripada nilai IK item adalah merupakan pengganggu yang baik. Formula untuk mendapatkan IKP adalah seperti berikut:

$$IKP = \frac{N_p}{N} \dots N$$

N_p : bilangan calon yang memilih pengganggu tersebut

N : jumlah responden yang menjawab item tersebut

Mohamad Khairi Mat Said (2012) juga menegaskan bahawa pengganggu dikatakan berfungsi jika pengganggu tersebut dapat menarik sebilangan kecil iaitu lebih kurang 5 % dari jumlah responden untuk memilihnya sebagai jawapan. Nilai IK dan IKP untuk item nombor 22 dan 36 ditunjukkan dalam jadual 9.

TAHAP PENGUASAAN ILMU NAHU DALAM KALANGAN GURU-GURU SIJIL TINGGI AGAMA MALAYSIA (STAM)

Hazrul Affendi Mohmad - Zamri Arinfi - Hakim Zainal

Jadual 9: IKP item nombor 22 dan 36

Nombor item	Bil. Responden Memilih Pengganggu	Pengganggu	IKP Pengganggu	IK Item
22	10	1	0.38	0.61
36	2	1	0.08	0.73
	2	2	0.08	
	3	3	0.11	

Oleh kerana faktor yang menyebabkan nilai ID menjadi negatif untuk item nombor 22 dan 36 adalah pengganggu yang baik dan bukannya disebabkan oleh 2 faktor yang telah dinyatakan, maka kedua-dua item ini akan dikekalkan untuk kajian sebenar tanpa sebarang ubahsuai.

Merujuk semula kepada jadual 8, walaupun terdapat 17 (34%) item yang mempunyai nilai ID yang rendah, namun didapati semua item ini tetap dapat berfungsi membezakan tahap pencapaian responden. Justeru, semua item set ujian dalam kajian rintis ini akan dikekalkan untuk digunakan dalam kajian sebenar.

c) Kesahan Item

Kesahan item kajian ini merujuk kepada keupayaan set ujian yang digunakan untuk mengukur konsep penguasaan yang telah ditetapkan. Untuk mendapatkan kesahan instrumen kajian ini, semua item yang dibina telah dirujuk terlebih dahulu kepada 2 orang penyelia untuk diteliti dan diperhalusi. Bersandarkan kepada maklum balas yang diperolehi, beberapa item telah diubahsuai dan diperbaiki. Seterusnya set soalan ujian ini dikemukakan kepada 2 orang pakar penilai untuk mendapatkan kesahan muka dan kesahan kandungan. Seorang pakar penilai ini adalah guru bahasa Arab di Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia yang berkelulusan Ijazah Doktor Falsafah. Manakala seorang lagi pakar penilai adalah pensyarah kanan di Pusat Pembangunan Islam (ISDEV) Universiti Sains Malaysia.

TAHAP PENGUASAAN ILMU NAHU DALAM KALANGAN GURU-GURU SIJIL TINGGI AGAMA MALAYSIA (STAM)

Hazrul Affendi Mohmad - Zamri Arinfi - Hakim Zainal

Secara umumnya, kesahan muka adalah kesahan yang merujuk kepada apa yang hendak diukur dalam ujian. Manakala kesahan kandungan pula merupakan penilaian yang sistematik ke atas isi kandungan ujian untuk menentukan sama ada domain tingkah laku yang hendak diukur mewakili keseluruhan kandungan sesuatu domain (Mohamad Najib Abdul Ghafar 2011)

Hasil penilaian kedua-dua orang pakar penilai ini beberapa item telah diperbaiki dari sudut ejaan, penggunaan perkataan yang sesuai, menggunakan *Rasm al-Uthmani* untuk ayat Al-Quran dan menggunakan distraktor yang sesuai. Ini bertujuan agar semua arahan dan pernyataan di dalam set ujian jelas dan dapat difahami dengan baik.

Manakala dari sudut konstruk yang ingin diukur, kedua-dua pakar penilai bersetuju dan berpuas hati dengan semua item yang dibina. Semua item ini mempunyai kesesuaian dan keseimbangan dari sudut topik dan sub topik untuk mengukur konstruk yang ditetapkan dan sesuai dijadikan item set ujian. Set ujian ini kemudiannya digunakan dalam kajian rintis untuk menentukan kebolehpercayaan item ujian sebelum digunakan dalam kajian sebenar.

d) Kebolehpercayaan Item

Menurut Chua Yan Piaw (2006) kebolehpercayaan dalam sesuatu penyelidikan merujuk kepada keupayaan suatu kajian untuk memperoleh nilai yang serupa apabila pengukuran yang sama diulangi.

Kajian ini menggunakan prosedur 1 ujian untuk menentukan kebolehpercayaan dan ketekalan dalaman instrumen kajian. Kaedah yang dipilih adalah dengan menggunakan formula Kuder-Richardson (KR-20). Menurut Khairul Azhar Mat Daud et. al (2015) penggunaan formula KR-20 adalah kaedah yang sesuai untuk menilai kebolehpercayaan instrumen yang menggunakan item berbentuk dikotomi atau betul-salah. Pengiraan formula KR-20 dilakukan menggunakan *Microsoft Excel* sebagaimana yang dirangka oleh Anwar Hidayat (2014).

TAHAP PENGUASAAN ILMU NAHU DALAM KALANGAN GURU-GURU SIJIL TINGGI AGAMA MALAYSIA (STAM)

Hazrul Affendi Mohmad - Zamri Arinfi - Hakim Zainal

Tahap Penguasaan yang diukur melalui kajian ini merangkumi 3 konstruk utama iaitu pengetahuan, kefahaman dan kemahiran. Nilai KR-20 yang diperolehi untuk keseluruhan item ujian adalah 0.8942. Untuk konstruk pengetahuan nilai KR-20 yang diperolehi adalah 0.7570, konstruk kefahaman 0.6671 dan konstruk kemahiran 0.8047.

Menurut Mokhtar Ismail (2010) KR-20 mempunyai konsep yang sama dengan *alpha Cronbach*. Mohd. Majid Konting (2000) menyatakan bahawa nilai kebolehpercayaan yang melebihi 0.6 selalunya diguna pakai dalam kajian sebagai asas penentuan tahap kebolehpercayaan soal selidik. Menurut Kamarulzaman Abdul Ghani et. al (2009) nilai yang sama juga boleh digunakan kepada formula KR-20. Justeru, instrumen kajian ini yang dianalisis menggunakan KR-20 memperoleh nilai kebolehpercayaan yang tinggi iaitu 0.8942. Berdasarkan kepada nilai kebolehpercayaan instrumen menggunakan KR-20 iaitu 0.8942 didapati ketekalan dalaman item set ujian ini adalah tinggi dan sesuai untuk digunakan dalam kajian sebenar.

KESIMPULAN

Penguasaan ilmu Nahu amat penting dalam pengajian berteraskan bahasa Arab. Keupayaan menguasai ilmu Nahu dapat membantu pemahaman teks Arab yang dibaca khususnya dalam STAM. Penguasaan ilmu Nahu juga turut membantu pembentukan struktur ayat yang baik dalam penulisan dan pertuturan. Penguasaan ilmu Nahu didapati mempunyai hubungan dengan penguasaan bahasa Arab.

Responden kajian ini terdiri daripada 26 orang guru yang mengajar STAM di sekolah SMAN, SABK dan SMAR. Majoriti responden iaitu sebanyak 69.2% mempunyai pengalaman mengajar tidak melebihi 10 tahun. Sebanyak 53.8% responden pula didapati tiada kursus perguruan. Kelayakan akademik tertinggi semua responden adalah di peringkat Ijazah Sarjana Muda. Majoriti responden iaitu sebanyak 69.2%

TAHAP PENGUASAAN ILMU NAHU DALAM KALANGAN GURU-GURU SIJIL TINGGI AGAMA MALAYSIA (STAM)

Hazrul Affendi Mohmad - Zamri Arinfi - Hakim Zainal

merupakan lulusan Universiti al-Azhar Mesir. Bidang pengajian yang mendominasi kelulusan akademik responden adalah bidang Syariah iaitu sebanyak 53.8 %.

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tahap penguasaan ilmu Nahu guru-guru STAM hanyalah berada pada tahap memuaskan. Demikian juga dengan tahap penguasaan ketiga-tiga konstruk yang diukur turut berada pada tahap memuaskan. Indeks Kesukaran (IK) item yang diperolehi melalui analisis item yang telah diskor menunjukkan 48 % item berada di aras kesukaran rendah, 46 % berada di aras kesukaran sederhana dan 6 % berada di aras kesukaran tinggi. Manakala melalui Indeks Diskriminasi (ID) item pula didapati semua item telah berfungsi dengan baik walaupun terdapat 1 item yang mendapat nilai ID 0.00 dan juga 2 item yang mendapat nilai ID negatif.

Kesahan instrumen kajian diperolehi daripada 2 orang pakar penilai melalui kesahan muka dan kesahan kandungan. Kebolehpercayaan instrumen kajian pula dinilai menggunakan formula KR-20 yang menunjukkan nilai kebolehpercayaan adalah 0.8942. Untuk konstruk pengetahuan nilai KR-20 yang diperolehi adalah 0.7570, konstruk kefahaman 0.6671 dan konstruk kemahiran 0.8047. Bersandarkan kepada nilai kebolehpercayaan KR-20, instrumen kajian ini memperoleh nilai ketekalan dalaman yang tinggi dan sesuai digunakan dalam kajian sebenar.

TAHAP PENGUASAAN ILMU NAHU DALAM KALANGAN GURU-GURU SIJIL TINGGI AGAMA MALAYSIA (STAM)

Hazrul Affendi Mohmad - Zamri Arinfi - Hakim Zainal

RUJUKAN

Ab. Aziz Mat. 2006. Kajian kes peranan bahasa Melayu dalam pengajaran Sains dalam bahasa Inggeris. Disertasi Sarjana, Fakulti Bahasa, Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Ab. Razak Ab. Karim & Muhammad Saiful Haq Hussin. 2011. Tahap penguasaan bahasa Melayu pelajar di *Islamic Santitham Foundation School (ISFS)*. *Jurnal Pengajian Melayu*, Jilid 22: 18-44.

Ahmad Rizal Madar, Nurul Akmar Kamaruddin & Saifullizam Puteh. 2005. Faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar dalam menguasai pelajaran Kejuruteraan di Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. *Prosiding Seminar Pendidikan Jawatankuasa Penyelarasan Pendidikan Guru (JPPG) 2005*, hlm. 52-59.

Anwar Hidayat. 2014. KR 20 dengan excel. <http://www.statistikian.com> [13 Mac 2016].

Azhar Muhammad. 2006. Pembelajaran Balaghah Arab di Peringkat Sijil Tinggi Agama Malaysia : Satu Kajian Kes. Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.

Azhar Muhammad, Abdul Hafiz Abdullah, Bushrah Basiron, Kamarul Azmi Jasmi & Sulaiman Shakib Mohd Noor. 2006. Penguasaan pelajar sekolah menengah Aliran Agama terhadap pengajian ilmu Retorik Arab. Laporan penyelidikan Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial, Universiti Teknologi Malaysia.

Chua Yan Piaw. 2006. *Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.

Fuad Ni^cmah. t.th. *Mulakhkhas Qawaid al-Lughah al-^cArabiyyah*. Ed. ke-9. Dimasyq: Dar al-Hikmah.

Hashim Mat Zin. 2008. Penguasaan kata kerja bahasa Arab di kalangan pelajar sekolah menengah: satu kajian kes. Disertasi Sarjana, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.

Kamarulzaman Abdul Ghani, Hassan Basri Awang Mat Dahan & Nik Mohd. Rahimi Nik Yusoff. 2009. Penggunaan ujian klox dalam mengukur kebolehpercayaan teks Arab untuk pembaca bukan Arab di Malaysia : satu kajian rintis. *Journal of Islamic and Arabic Education 1 (2)*: 15-30.

TAHAP PENGUASAAN ILMU NAHU DALAM KALANGAN GURU-GURU SIJIL TINGGI AGAMA MALAYSIA (STAM)

Hazrul Affendi Mohmad - Zamri Arinfi - Hakim Zainal

Khairul Azhar Mat Daud, Nik Zulkarnaen Khidzir & Hasyamuddin Othman. 2015. Instrumen kesediaan pembelajaran terarah sendiri. <http://umkeprints.umk.edu.my> [13 Mac 2016].

Al-Khuli, Muhammad ^cAli. 1986. *Asalib Tadris al-Lughah al-^cArabiyyah*. Ed-2. Riyad: Matba^cah al-Farazdaq al-Tijariyyah.

Lembaga Peperiksaan. 2011. *Pengumuman Keputusan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) 2010*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.

Lembaga Peperiksaan. 2012. *Pengumuman Keputusan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) Tahun 2011*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.

Lembaga Peperiksaan. 2013. *Pengumuman Keputusan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) Tahun 2012*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.

Lembaga Peperiksaan. 2013. *Pentaksiran Kemahiran Berfikir Aras Tinggi*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.

Lembaga Peperiksaan. 2014. *Pengumuman Analisis Keputusan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) Tahun 2013*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Lembaga Peperiksaan. 2015. *Pengumuman Analisis Keputusan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) Tahun 2014*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Lembaga Peperiksaan. 2016. *Pengumuman Analisis Keputusan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) Tahun 2015*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Low Hiang Loon. t.th. Penganalisan dan pentafsiran soalan selepas pemarkahan. <http://www.iium.edu.my> [10 Mac 2016].

Majdi Wahbah & al-Muhandis, Kamil . 1984. *Mu^cjam al-Mustalahat al-Arabiyyah fi al-Lughah wa al-Adab*. Beirut: Maktabah Lubnan.

Mohamad Khairi Mat Said. 2012. Analisis Item. <https://ictrpk.files.wordpress.com> [15 Mac 2016].

Mohamad Najib Abdul Ghafar. 2011. Kesahan dalam pengukuran dan penilaian. <http://ppgipgtawaupjk.blogspot.my> [10 Mac 2016].

Mohamed Bilal Ali. 2008. Analisis item dan analisis skor. <http://www.fp.utm.my> [15 Mac 2016].

TAHAP PENGUASAAN ILMU NAHU DALAM KALANGAN GURU-GURU SIJIL TINGGI AGAMA MALAYSIA (STAM)

Hazrul Affendi Mohmad - Zamri Arinfi - Hakim Zainal

Mohd Fauzi Kamarudin, Muliati Sidek, Izaidin Abdul Majid, Ismail Ibrahim, sabri Mohamad Sharif & Mimi Nahariah Azwani Mohamed. 2008. Tahap penguasaan bahasa Inggeris di kalangan staf akademik di sebuah Universiti Teknikal. *Prosiding Seminar Kemahiran Insaniah dan Kesejahteraan Sosial (SKIKS) 2008*, hlm. 65-74.

Mohamad Johdi Salleh, Mohd Faesal Mazian Jamian, Azrina Mastor, Nor Azura Yacob, Nor Fatimah Mohamad Nagib dan Che Norhuda Mohd Roslan. 2012. Peranan Guru Besar, guru dan ibu bapa mencapai objektif persekolahan sekolah rendah: perspektif ibu bapa. Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan IPTA 2012. Anjuran Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Johor Bahru, 7-9 Oktober.

Mohd Shafien Othman. 2008. Penguasaan *al-F'hal* dan *al-Ibdal* di kalangan pelajar-pelajar peringkat Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM): satu kajian kes. Disertasi Sarjana, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.

Mohd. Majid Konting. 2000. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.

Mokhtar Ismail. 2010. Pengukuran dan penilaian. <https://ibnuziad.wordpress.com> [10 Mac 2016].

Muhamad Fahmi Abd Jalil. 2012. Penguasaan pelajar STAM terhadap imbuhan kata bahasa Arab. Disertasi Sarjana, Pengajian Bahasa Moden, Universiti Malaya.

Munirah Jaafar. 2011. Penguasaan kata kerja bahasa Arab dalam kalangan pelajar kelas Aliran Agama. Disertasi Sarjana, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.

Normila Norudin, Nik Murshidah Nik Din, Raja Hazirah Raja Sulaiman & Zaiton Mustafa. 2014. Pengaruh bahasa ibunda terhadap pembinaan struktur ayat bahasa Arab dalam kalangan pelajar UNISZA. *Prosiding Seminar Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab 2014*, hlm. 34-43.

Nor Raudah Siren, Azrin Ab. Majid & Siti Jamiaah Abdul Jalil. 2013. Pengurusan Sekolah Agama Rakyat (SAR) di Malaysia. <http://repository.um.edu.my> [19 Mei 2016].

Rahmadhaniah Abdul Majid. 2008. Faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar tahun 4 perdana, Jabatan Pendidikan Teknikal dan Kejuruteraan, sesi 2007/2008, Fakulti Pendidikan UTM. Laporan Projek Sarjana Muda, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.

TAHAP PENGUASAAN ILMU NAHU DALAM KALANGAN GURU-GURU SIJIL TINGGI AGAMA MALAYSIA (STAM)

Hazrul Affendi Mohmad - Zamri Arinfi - Hakim Zainal

Rosni Samah & Arnida A Bakar. 2008. Pendekatan pengajaran & pembelajaran subjek Nahu di peringkat STAM dan tahap penguasaan pelajar: kajian di sekolah-sekolah agama kerajaan negeri. Laporan penyelidikan Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia.

Rosni Samah & Muhammad Marwan Ismail. 2006. Penguasaan "al-Balaghah" dan permasalahannya di kalangan pelajar Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) (kajian di sekolah-sekolah agama negeri Selangor). Laporan penyelidikan Kolej Universiti Islam Malaysia.

Salamiah Ab. Ghani, Nur Syazwina Mustapa, Suhaila Zailani @ Ahmad, Ummu Hani Hashim & Zuraida Shaadon. 2012. Penguasaan kemahiran membaca kosa kata nama selepas *al-Jar* dan *al-Zarf* dalam teks Arab melalui bacaan al-Quran. *Prosiding Seminar Pemantauan Projek Penyelidikan Tindakan/Strategik (PTS) Fakulti Pengajian Islam 2012*, hlm. 1-7.

Sekolah Menengah Kebangsaan Toh Indera Wangsa Ahmad (SMKTIWA) Batu Gajah Perak. 2011. Perisian "PediA v3". <https://smktiwa.wordpress.com> [11 Ogos 2015].

Shaipul Anuar Mohamed Zainudin. 2012. Faktor yang mempengaruhi kelulusan pelajar dalam kursus Termodinamik 1 (JJ207) di Politeknik Sultan Azlan Shah. *Prosiding Seminar Kebangsaan Penyelidikan dan Inovasi 2012*, hlm. 377-388.

Taufiq Muhammad Shahin. 1980. *ʿAwamil Tanmiyyat al-Lughah al-ʿArabiyyah*. Kaherah: Matbaʿat al-Daʿwah al-Islamiyyah.